

Rujukan Kami : UPM/KOSASS/200/12/2/2
Tarikh : 05 Jun 2017

Mahasiswa/Mahasiswa
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah
Universiti Putra Malaysia.

Siswa/Siswi,

CUTI AKHIR SEMESTER KEDUA SESI 2016/2017

Sukacita dimaklumkan cuti tersebut di atas akan bermula dari **19 Jun 2017 (Isnin) hingga 10 September 2017 (Ahad)**. Sehubungan itu, semua warga KOSASS dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan perkara-perkara berikut.

1. MENGOSONGKAN BILIK DAN MEMULANGKAN KUNCI BILIK

- (a) Semua pelajar dikehendaki mengosongkan bilik serta memulangkan kunci ke Pejabat Kolej selewat-lewatnya pada ;

Tarikh : 17 Jun 2017 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 4.30 petang
Tempat : Lobi, Pejabat Am

atau ;

Tarikh : 18 Jun 2017 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 4.30 petang
Tempat : Lobi, Pejabat Am

- (b) Kegagalan pelajar mengosongkan bilik dan tidak memulangkan kunci bilik serta bilik dalam keadaan kotor akan dikenakan **denda RM25.00** beserta bayaran menginap RM4.00 setiap hari sehingga bilik dikosongkan dan kunci dipulangkan.
- (c) Sebelum menyerahkan kunci bilik di Pejabat Am, KOSASS, sila pastikan perkara berikut yang wajib dilakukan:
- Bilik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan bersih.
 - Almari dikosongkan dan bersih.
 - Poster-poster hendaklah ditanggalkan.
 - Sampah sarap hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
 - Suis lampu dan kipas hendaklah dimatikan.
 - Tingkap hendaklah ditutup rapat dan pintu bilik dikunci.

2. PENGINAPAN SEMASA CUTI ANTARA SEMESTER

- (a) Pihak kolej tidak menyediakan kemudahan penginapan semasa cuti kerana kerja-kerja naik taraf kemudahan kolej.

3. STOR SIMPANAN BARANG-BARANG

- (a) Barang-barang hendaklah di simpan di dalam kotak dan dilabelkan dan disimpan di tempat berikut :
- Blok Rusa : Bilik Rehat
 - Blok Kijang : Bilik Rehat dan Bilik Bacaan

- Blok Seladang : Bilik Rehat
 - Blok Napuh : Bilik Rehat
 - Blok Pelanduk : Bilik Rehat dan Bilik Bacaan
- (b) Pelajar yang memohon untuk tinggal di luar kampus pada semester hadapan tidak dibenarkan menyimpan barang mereka di kolej. Sekiranya kehilangan tidak akan menjadi tanggungjawab kolej.
- (c) Semua barang yang berharga dan penting hendaklah dibawa pulang.
- (d) Pihak kolej akan mengambil langkah keselamatan bagi stor sementara tersebut tetapi tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan dan kerosakan barang yang disimpan di dalam stor tersebut.
- (e) Barang-barang yang ditinggalkan di dalam bilik akan dianggap sampah dan akan dilupuskan.

4. PERALATAN KOLEJ

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan dan alatan untuk program hendaklah dipulangkan **selewat-lewatnya 16 Jun 2017 (Jumaat)**. Denda dan demerit akan dikenakan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi.

6. PENDAFTARAN KOLEJ BAGI SEMESTER PERTAMA SESI 2017/2018

Siswa-siswi akan kembali ke kolej dan mendaftar bagi sesi **PERTAMA 2017/2018** adalah pada ;

Tarikh : 9 September 2017 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Lobi, Pejabat Am

atau ;

Tarikh : 10 September 2017 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Lobi, Pejabat Am

Akhir kata, saya serta pihak Pengurusan Kolej mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh saudara/saudari **“Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Bercuti dan Berhati-hati di Jalanraya”**.

Sekian.

“BERILMU BERBAKTI”

Yang benar,

LT. KOL. OTHMAN BIN JAILANI

Pengetua

- s.k:
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pengetua KMR, K2, KTDI, KC, K5, K6, KTP, KPZ, K10, K11, K12, K13, K14, K15, K16 dan K17.
 - Felo– felo KOSASS
 - Presiden KOSASS